



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)
SUKU TAHUNAN
SUKU TAHUN KETIGA 2024

QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
THIRD QUARTER 2024

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam




SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR
SUKE TIGA 2024**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TAJUK UTAMA: EKONOMI NEGARA BERKEMBANG 6.0 PERATUS BAGI
SUKE TAHUN KETIGA 2024**

1. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada harga tetap, bagi suku tahun ketiga (Q3) 2024, telah meningkat sebanyak 6.0 peratus tahun-ke-tahun. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam Sektor Minyak dan Gas sebanyak 12.9 peratus, manakala Sektor Bukan Minyak dan Gas mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.3 peratus.



*Data yang dikemaskini

2. Peningkatan bagi Sektor Minyak dan Gas adalah didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah, gas asli, dan gas cecair asli (LNG). Peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas asli adalah didorong oleh pengeluaran dari telaga minyak dan gas yang baru, manakala peningkatan dalam pengeluaran LNG adalah disebabkan oleh bekalan gas yang lebih tinggi.
3. Sektor Bukan Minyak dan Gas menunjukkan pertumbuhan sederhana pada suku ketiga, didukung oleh peningkatan subsektor-subsektor seperti Perikanan (25.5 peratus), Elektrik dan Air (15.0 peratus), Pengangkutan Air (10.2 peratus), dan Pendidikan (3.3 peratus).
4. Pertumbuhan subsektor Perikanan adalah terutamanya disumbangkan oleh peningkatan pengeluaran daripada tangkapan ikan. Pertumbuhan subsektor Elektrik dan Air adalah didorong oleh peningkatan penjanaan elektrik dan peningkatan aktiviti loji pengurusan sisa. Pertumbuhan bagi subsektor Pengangkutan Air adalah selaras dengan peningkatan jumlah eksport LNG. Manakala, pertumbuhan subsektor Pendidikan adalah selaras dengan peningkatan aktiviti pengajian tinggi.
5. Dari segi sumbangan utama KDNK mengikut aktiviti ekonomi, Sektor Industri menyumbang sebanyak 60.1 peratus, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan sebanyak 38.6 peratus dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan sebanyak 1.3 peratus.
6. Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah sebanyak BND5.03 bilion pada Q3 2024, meningkat daripada BND4.98 bilion pada Q3 2023. Sektor Minyak dan Gas telah menyumbangkan sebanyak 46.4 peratus, termasuk aktiviti perlombongan minyak dan gas dan pembuatan LNG. Sektor Bukan Minyak dan Gas menyumbang sebanyak 53.6 peratus daripada jumlah KDNK, terutamanya terdiri daripada aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia.
7. Mengikut pendekatan perbelanjaan, peningkatan pertumbuhan KDNK pada Q3 2024 adalah didorong oleh Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah yang meningkat sebanyak 6.2 peratus, diikuti oleh Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan sebanyak 1.5 peratus. Walau bagaimanapun, Pembentukan Modal Kasar mencatatkan penurunan sebanyak 3.9 peratus. Eksport Barang dan Perkhidmatan juga menunjukkan penurunan iaitu sebanyak 12.5 peratus.

8. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Q3 2024 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui deps.mofe.gov.bn

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU KETIGA 2024

جایان فرانچن ایکونومی دان ستاتیسٹیک
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM

PERTUMBUHAN KDNK




6.0%

Jumlah dalam BND juta pada harga tetap **4,886.6**
Jumlah dalam BND juta pada harga semasa **5,033.3**


KADAR PERTUMBUHAN (%) PADA HARGA TETAP



AGIHAN (%) PADA HARGA SEMASA



PENYUMBANG UTAMA SEKTOR BUKAN MINYAK & GAS




MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI

KADAR PERTUMBUHAN (%) PADA HARGA TETAP



AGIHAN (%) PADA HARGA SEMASA



deps.mofe.gov.bn

info.statistics@jpes.gov.bn

[@statistics.jpes](#)




MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
THIRD QUARTER 2024

BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE: BRUNEI DARUSSALAM'S ECONOMY GREW 6.0 PER CENT IN THIRD QUARTER 2024

1. *Brunei Darussalam's Gross Domestic Product (GDP) at constant prices, grew at 6.0 per cent year-on-year in the third quarter (Q3) of 2024. This growth was driven by a 12.9 per cent expansion in the Oil and Gas Sector, while the Non-Oil and Gas Sector saw a growth of 0.3 per cent.*



*Revised data.

2. *The growth of the Oil and Gas Sector was driven by higher production of crude oil, natural gas, and liquefied natural gas (LNG). The increase in crude oil and natural gas production was driven by new oil and gas wells, while the increase in LNG production was attributed to a higher gas supply.*
3. *The Non-Oil and Gas Sector showed moderate growth in the third quarter, supported by expansions in subsectors such as Fishery (25.5 per cent), Electricity and Water (15.0 per cent), Water Transport (10.2 per cent), and Education (3.3 per cent).*
4. *The growth in the Fishery Subsector was mainly contributed by increased production in capture fisheries. Growth in the Electricity and Water subsector was supported by increase in electricity production and expanded waste management activities. The expansion in the Water Transport subsector was linked to higher LNG exports. Meanwhile, the Education subsector grew in tandem with increased activities in tertiary education.*
5. *In terms of GDP contribution by economic activity, the Industry Sector contributed 60.1 per cent, followed by the Services Sector at 38.6 per cent and the Agriculture, Forestry and Fishery Sector at 1.3 per cent.*
6. *Brunei Darussalam's GDP at current prices stood at BND5.03 billion in Q3 2024, up from BND4.98 billion in Q3 2023. The Oil and Gas Sector accounted for 46.4 per cent, comprising oil and gas mining and manufacture of LNG. The Non-Oil and Gas Sector contributed 53.6 per cent of GDP, mainly comprising downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products.*
7. *By the expenditure approach, the increase in GDP growth in Q3 2024 was primarily driven by a 6.2 per cent increase in Household Final Consumption Expenditure, followed by a 1.5 per cent rise in Government Final Consumption. However, Gross Capital Formation contracted by 3.9 per cent and Exports of Goods and Services also declined by 12.5 per cent.*
8. *Gross Domestic Product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The full report for the GDP Q3 2024 is available from DEPS's website at deps.mofe.gov.bn*

GROSS DOMESTIC PRODUCT

THIRD QUARTER 2024

جهاتن ۋانچىن اىكۈنومى دان سەتائىسىك
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM


GDP GROWTH

6.0%


Value in BND Million
at constant prices **4,888.6**

Value in BND Million
at current prices **5,033.3**


GROWTH RATE (%)
AT CONSTANT PRICES



SHARE (%)
AT CURRENT PRICES




NON-OIL & GAS SECTOR
KEY CONTRIBUTOR




BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY

GROWTH RATE (%)
AT CONSTANT PRICES



SHARE (%) AT CURRENT PRICES

60.1%



38.6%



1.3%



Industry Services Agriculture, Forestry & Fishery

deps.mofe.gov.bn

info.statistics@jpes.gov.bn

[@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)